

## (Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 1/1/2016

Muka surat: 14

Tajuk : Delegasi UNIMAS teroka peluang kerjasama universiti Shanghai, Beijing

# Delegasi UNIMAS teroka peluang kerjasama universiti Shanghai, Beijing

## KOTA SAMARAHAN:

Delegasi Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang diketuai oleh Naib Canselor Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi melawat beberapa buah universiti di Shanghai dan Beijing untuk meneroka peluang kerjasama dari 7 hingga 9 Disember lalu.

Antara universiti yang dilawati seperti Universiti Fudan, Universiti Shanghai Jiao Tong (SJTU) dan Universiti Tongji untuk membincangkan kerjasama dalam bidang klinikal, program pertukaran pelajar, penyelidikan dan sebagainya.

Fudan University merupakan sebuah universiti awam di Shanghai dan berada di tangga ke-51 dalam kedudukan Universiti Dunia QS dan tangga ke-16 dalam Universiti Asian QS.

Ketibaan delegasi UNIMAS di Universiti Fudan telah disambut mesra oleh Naib Presiden Universiti Fudan merangkap Dekan Shanghai Medical College, Profesor GUI Yonghao yang seterusnya dibawa melawat ke Hospital Zhongshan, salah satu daripada hospital terbesar yang bergabung dengan Universiti Fudan untuk meneroka amalan terbaik dalam pengurusan pembelajaran.

Selain itu, delegasi UNIMAS turut melawat Universiti Shanghai Jiao Tong (SJTU) atau dikenali sebagai Universiti Penyelidikan



**KENANGAN:** Delegasi UNIMAS yang diketuai Kadim (tengah) melawat beberapa buah universiti di Shanghai dan Beijing untuk meneroka peluang kerjasama baru-baru ini.

Awam di Shanghai.

Ketibaan delegasi disambut oleh Naib Presiden Shanghai Jiao Tong University, Profesor Huang Zhen dan dibawa melawat SJTU Bio X Lab untuk meneroka peluang kerjasama penyelidikan dengan penyelidik SJTU terutama dalam program musim panas dan program pertukaran pelajar.

Lokasi seterusnya adalah ke Universiti Tongji untuk mencari peluang bagi program penempatan klinikal, pertukaran pelajar dan penyelidikan bersama.

Delegasi meneruskan perjalanan ke Universiti Tongji dengan melawat Hospital Gabungan Universiti Tongji bertujuan untuk melihat peluang bagi program penempatan klinikal, program

pertukaran pelajar dan kerjasama dalam penyelidikan dengan Universiti Tongji.

Delegasi itu juga melawat Universiti Tsinghua yang merupakan sebuah universiti penyelidikan dan berada dalam kedudukan ke-25 dalam kedudukan Universiti Dunia QS 2015 dan ke-11 dalam kedudukan Universiti Asia 2015 dan Universiti Akademi Cina Sains (UCAS) serta Institut Konfusius Ibu Pejabat di Beijing, China.

Perbincangan dengan Universiti Tsinghua memberi tumpuan kepada program pertukaran pelajar, program penempatan klinikal dan kerjasama penyelidikan manakala lawatan ke Ibu Pejabat Institut Konfusius Ibu Pejabat (Hanban) di Beijing

adalah untuk membincangkan mengenai penubuhan Institut Konfusius di UNIMAS seperti yang dicadangkan oleh Konsul Besar China di Kuching, Tuan Yang Liu Quan.

Akhir sekali, delegasi UNIMAS telah melawat Universiti Akademi Cina Sains (UCAS) yang merupakan sebuah institusi pendidikan tinggi yang memberi tumpuan kepada pendidikan siswazah di bawah kepimpinan Akademi Cina Sains (CAS).

Lawatan ke UCAS telah disambut oleh Naib Presiden UCAS, Profesor WU Yueliang dan perbincangan antara UNIMAS dan UCAS memberi tumpuan kepada pengajian siswazah, program musim panas dan program pertukaran pelajar.